



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 05/2025



KEMULIAAN BULAN ZULHIJJAH

23 MEI 2025 / 25 ZULKADEAH 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَّهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، ، اتَّقُوا اللّٰهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللّٰهُ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Bulan Zulhijjah merupakan bulan yang ke-12 dalam kalendar Hijrah dan ia adalah antara bulan haram yang penuh dengan keberkatan. Dalam bulan ini, umat Islam di seluruh dunia melaksanakan ibadah haji yang merupakan salah satu rukun Islam. Ia juga bulan di mana umat Islam disarankan untuk memperbanyak amal



ibadah, berdoa, dan memperbaiki hubungan dengan Allah Taala. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Taubah ayat 36:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ عِدَّةَ الْشُّهُورِ عِنْدَ اللَّهِ أَثْنَا عَشَرَ شَهْرًا فِي كِتَابِ اللَّهِ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضَ مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ ذَلِكَ الْدِينُ الْقِيمُ فَلَا تَظْلِمُوا فِيهنَّ أَنفُسَكُمْ

Yang bermaksud: "Sesungguhnya bilangan bulan di sisi Allah adalah dua belas bulan, sebagaimana yang tercatat dalam ketentuan Allah pada waktu Dia menciptakan langit dan bumi, di antaranya empat bulan haram. Itulah agama yang lurus, maka janganlah kamu menzalimi diri kamu dalam bulan-bulan ini."

Ayat ini menggambarkan terdapat empat bulan dalam setahun bulan yang diharamkan berperang dan menumpahkan darah. Bulan Zulhijjah termasuk dalam bulan-bulan haram. Dalam bulan Zulhijjah terdapat empat perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh setiap umat Islam, iaitu sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah termasuk Hari Arafah dan Hari Raya Aidil Adha serta hari tasyrik pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Azza Wa Jalla.

Hari-hari pertama bulan Zulhijjah adalah antara hari-hari yang paling mulia dalam Islam. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi dan Ibnu Majah:



مَا مِنْ أَيَّامٍ مِّنْ أَيَّامِ الدُّنْيَا أَحَبُّ إِلَى اللَّهِ أَنْ يُتَعَبَّدَ لَهُ فِيهَا مِنْ أَيَّامِ الْعَشْرِ، يَعْدِلُ صِيَامُ كُلِّ يَوْمٍ
مِّنْهَا بِصِيَامِ سَنَةٍ وَقِيَامٌ كُلُّ لَيْلٍ مِّنْهَا بِقِيَامِ لَيْلَةِ الْقَدْرِ

Yang bermaksud: "Tiada hari-hari yang paling disukai oleh Allah untuk seseorang melakukan ibadah kepada-Nya selain 10 hari dalam Zulhijjah. Puasa setiap harinya menyamai puasa setahun, dan qiamullail setiap malamnya menyamai qiamullail pada malam Al-Qadr."

Dalam tempoh sepuluh hari pertama bulan Zulhijjah ini, umat Islam dianjurkan untuk memperbanyakkan amal ibadah, terutamanya dengan memperbanyakkan takbir, tahmid, dan tahlil. Selain itu, melakukan amalan seperti bersedekah, berpuasa, dan membaca al-Quran adalah amalan yang sangat digalakkan oleh Allah Taala.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala

Selain sepuluh hari pertama Zulhijjah, hari Arafah yang jatuh pada 9 Zulhijjah juga merupakan hari yang sangat mulia. Pada hari ini, umat Islam yang menunaikan ibadah haji berkumpul di Padang Arafah untuk berdoa, berzikir, dan bermunajat kepada Allah Taala. Bagi umat Islam yang tidak mengerjakan haji, mereka disarankan untuk berpuasa pada hari Arafah, kerana puasa pada hari tersebut dapat menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:



“Puasa hari Arafah, aku berharap kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya dan juga tahun selepasnya.”

Oleh itu, seseorang yang berkemampuan untuk menunaikan puasa hari Arafah ini disunatkan untuk melaksanakannya. Sementara itu, orang yang sedang menunaikan haji pula tidak disunatkan berpuasa pada hari Arafah untuk memastikan mereka mempunyai tenaga yang mencukupi bagi menyempurnakan ibadah wukuf pada hari tersebut.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wa Jalla

Dalam bulan Zulhijjah, kita menyambut Hari Raya Haji atau Aidiladha, yang merupakan salah satu daripada dua hari raya utama dalam Islam. Pada hari tersebut, umat Islam disunatkan untuk menyembelih binatang korban sebagai simbol pengorbanan dan ketaatan kepada Allah Taala. Pengorbanan ini mengingatkan kita kepada kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam yang bersedia untuk mengorbankan anaknya, Nabi Ismail Alaihissalam, semata-mata kerana ketaatan dan keimanan kepada Allah Taala. Firman Allah Taala dalam surah al-Kauthar ayat 1 hingga 3 :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ (١) فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأْنْحِرْ (٢) إِنَّ شَانِئَكَ هُوَ الْأَبْتَرُ (٣)



Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadamu nikmat yang banyak (1) Maka dirikanlah solat kerana Tuhanmu; dan sembelihlah binatang korban. (2) Sesungguhnya orang yang membenci kamu dialah yang terputus. (3)*”

Ibadah yang paling afdal untuk dilaksanakan pada hari raya Aidiladha adalah dengan menumpahkan darah iaitu melakukan korban. Hal ini kerana ia (haiwan korban) akan datang pada hari akhirat sepertimana keadaannya di dunia tanpa sebarang kecacatan dan setiap anggota binatang itu terdapat padanya ganjaran (pahala). Selain itu, ia juga akan menjadi tunggangan orang yang berkorban itu ketika melintasi titian sirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Azza wa Jalla

Kesimpulannya, bulan Zulhijjah adalah bulan yang penuh dengan keberkatan dan peluang besar untuk kita mendekatkan diri kepada Allah Taala. Marilah kita memperbanyakkan amal ibadah, bersedekah, berdoa, serta melakukan kebaikan dalam bulan yang mulia ini khususnya pada sepuluh awal Zulhijjah. Jangan sia-siakan peluang yang ada kerana kita tidak tahu bila lagi kesempatan seperti ini akan datang. Laksanakanlah ibadah puasa pada hari Arafah bagi mereka yang tidak menunaikan haji, dan menyembelih binatang korban pada hari raya Aidiladha dan hari-hari tasyrik.

Semoga kita semua diberi kekuatan dan hidayah untuk memanfaatkan bulan Zulhijjah yang akan tiba nanti dengan sebaik-baiknya. Berdoalah agar Allah Taala menerima segala amalan kita dan memberikan kita keberkatan serta keredhaan-Nya.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَالْفَجْرِ (١) وَلَيَالٍ عَشْرِ (٢) وَالشَّفْعِ وَالْوَتْرِ (٣)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمَنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.